



COSMIC HEALTH RESTORE SDN BHD (848966-W)

(Formerly known as COSMIC NATURE HEALTHCARE SDN BHD)

Energize your life !

Wisma Cosmic
NO. 2A Jalan Rampai Niaga 1, Rampai Business Park,
Taman Sri Rampai, 53300 Setapak, Kuala Lumpur, Malaysia.

Website: www.cosmicnature.com Email : enquiry@cosmicnature.com Tel: 03-4143 3840 Fax: 03-4143 3841

PRO NATURE® V



Terapi Medan Elektrostatik

Terapi elektrostatik berbilang fungsi 3 dalam 1

Terapi Haba

Terapi Optik

Terapi Elektrostatik

Alam Sekitar & Kesihatan



Semua makhluk hidup dalam dunia ini tidak boleh hidup tanpa persekitaran yang sihat. Persekitaran yang bagus merupakan faktor penting bagi mereka yang mengejar kepanjangan umur.

Persekitaran yang ceria, yang dikelilingi dengan udara segar membolehkan orang ramai menikmati kebesaran dan keseronokan alam sekitar, maka penyakit dapat dikurangkan; manakala persekitaran yang harmoni pula dapat membantu orang ramai mengelakkan diri daripada menjadi senang marah di samping dapat mengekalkan ketenangan dan keceriaan hati, serta bebas daripada tekanan, seterusnya membantu memanjangkan umur.

Walaupun bagaimanapun, persekitaran sosial zaman kini amat kompleks. Manusia zaman moden berdepan dengan pelbagai tekanan sosial serta tekanan kehidupan sepanjang masa seperti pengangguran, persaingan di alam kerja dan sekolah serta masalah keluarga. Dengan rentak hidup yang semakin pantas disertai dengan peningkatan tekanan hidup yang semakin serius, maka tidak hairanlah ia mengundang pelbagai ketidakselesaan hidup serta pelbagai jenis penyakit. Malah bancian serta kajian daripada Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan bahawa hanya 15% daripada populasi sedunia memiliki badan yang sihat, 15% lagi dalam keadaan badan yang kurang memuaskan, dan yang paling membimbangkan adalah sebanyak 70% daripada populasi sedunia tergolong dalam kumpulan yang berpenyakit tetapi tidak menunjukkan gejala-gejala berpenyakit yang jelas atau lebih dikenali sebagai status “Sub-health”. Di sebalik peningkatan rentak serta tekanan hidup, mutu kehidupan harian zaman kini juga semakin meningkat dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan peratusan golongan yang berusia dalam struktur masyarakat. Oleh itu, kesihatan golongan warga emas sememangnya akan menjadi isu utama yang harus ditangani oleh masyarakat ramai pada waktu yang akan datang. Cara-cara untuk mengawal serta mencegah penyakit-penyakit seperti hipertensi, tekanan darah tinggi, kardiovaskular dan serebrovaskular, kencing manis, hati berlemak, barah dan lain-lain lagi menjadi cabaran utama untuk diatasi.

Cuba lihat sekali lagi pada alam persekitaran kita, apakah rupa bentuk persekitaran sebenarnya yang dimiliki oleh bandaraya moden? Ianya dikelilingi oleh bangunan-bangunan tinggi yang dibina bagaikan cendawan tumbuh lepas hujan, sejurus menyumbang kepada ketidakseimbangan ekologi alam sekitar. Gas yang beracun, air yang tercemar, bahan-bahan toksik yang terbiar dan lain-lain lagi terus mencemari alam di sekeliling kita. Sinaran elektromagnet daripada perkakas elektrik, kenderaan serta kebisingan lain, gangguan gelombang radio yang berterusan dan lain-lain lagi telah merosakkan keseimbangan medan elektrik dalam alam persekitaran kita. Persekitaran yang teruk mengundang kepada ketidakseimbangan dan ketidakfungsian sel-sel dan tisu-tisu dalam badan manusia, diiringi dengan kehilangan kawalan dari segi fisiologi telah membawa kepada persekitaran dalaman badan manusia yang bersifat asid. “Badan manusia yang bersifat asid adalah punca kepada segala-gala jenis penyakit”. Oleh itu, yang menunggu kita di belakang tidak lain kalau bukan pelbagai jenis penyakit kronik serta penyakit-penyakit zaman moden.

Berhadapan dengan persekitaran sosial dan persekitaran semula jadi yang penuh dengan cabaran ini, disertai dengan peningkatan populasi golongan yang berusia dan kos-kos rawatan yang semakin tinggi, cara-cara untuk menjaga dan mengekalkan kesihatan tubuh badan sememangnya menjadi semakin penting. WHO mensyorkan bahawa “manusia tidak akan dapat memiliki atau mengembalikan kesihatan tubuh badan kepada tahap yang diinginkan, sehinggalah memiliki ketenteraman dalam tubuh badan dari segi kesihatan, rohani dan psikologi.” Soalannya ialah bagaimana untuk mencapai tahap kesihatan tersebut? Jawapannya ialah manusia perlu mewujudkan persekitaran hidup yang kecenderungannya menuju kepada mencapai kesihatan tubuh badan serta perlanjutan usia. PRO NATURE®V merupakan produk yang menggabungkan terapi elektrostatik, terapi optikal serta terapi haba bagi memenuhi permintaan para pengguna. Ia bukan sahaja memainkan peranan sebagai “dokter keluarga”, tetapi juga mencipta suasana persekitaran yang lebih selesa lagi segar berpandukan hasil-hasil kajian serta pengalaman yang luas dalam bidang elektro-biologi, yang membolehkan badan kita bersenam sambil duduk.

Sejarah Terapi Medan Elektrostatik



Selama 30 tahun kajian menyeluruh telah dibuat mengenai hubungan antara arus elektrik, medan magnet dan makhluk hidup. Kajian oleh para ahli sains dan pakar kaji selidik menemukan perubahan fisiologi disertai dengan perubahan cas-cas elektrik di tubuh badan manusia. Dasar perubatan menerusi pengaliran tenaga di dalam tubuh badan telah lama dilupai dalam perubatan barat dan hanya perubatan tradisional yang masih hingga kini meneruskan penyembuhan kesihatan menerusi keseimbangan pengaliran Qi di tubuh badan manusia.

Secara dasarnya sistem penyembuhan ini menyatakan bahawa penyakit adalah disebabkan oleh ketidakseimbangan pengaliran tenaga dalam badan kita dan pemulihan pengaliran tenaga ini akan membawa kepada tubuh yang lebih sihat. Cas-cas elektrik dikeluarkan melalui pergerakan tubuh badan dan juga melalui tindak balas kimia di dalam badan. Walaupun pengaliran cas elektrik ini lemah tetapi ia mempunyai kesan penting terhadap tubuh badan terutama ia mencetuskan penemuan ECG.

Salah satu perkara penting bagi elektrostatik ialah ia boleh menggerakkan air. Badan manusia secara amnya mengandungi lebih kurang 70 % air, dan setiap benda yang mempunyai kesan yang tinggi terhadap air semestinya mempunyai pengaruh yang kuat terhadap fisiologi.

Bagaimana Terapi Medan Elektrostatik Berfungsi?

Skala PH

$$\text{pH} = -\log_{10} [\text{H}^+]$$

Makhluk hidup cuma boleh hidup di lingkungan $6.5 < \text{pH} < 8$
Untuk manusia permintaannya lebih ketat iaitu di lingkungan ($7.2 < \text{pH} < 7.5$)
Kesihatan optimal boleh dicapai di lingkungan $7.35 < \text{pH} < 7.43$

Terapi Medan Elektrostatik ialah teknik yang berpandukan tenaga elektrik statik. Ia mudah dikendalikan dan menunjukkan keputusan klinikal yang menyakinkan dalam masa yang paling singkat.

Teori terapi medan elektrostatik menjelaskan bahawa apabila bekalan elektrik yang mengandungi voltan AC yang tinggi disalurkan ke dalam badan manusia, sel-sel metabolisme akan dirangdangkan oleh caj-caj ion, lalu membawa kepada perubahan kandungan asid-alkali ke atas elektrolit dalam darah.

Dengan teknik tersebut, pengaliran ion-ion H^+ dapat dibahagikan dengan sebaik mungkin dalam badan organisma. Mekanisma ini adalah sangat penting kerana penyelarasan enzim-enzim, keluarga Ca^{++} , pengangkutan protein dalam darah, serta pengimbangan kandungan Asid-Alkali semuanya bergantung kepada pengaliran caj-caj proton dan ion dalam badan.

Fisiologi yang tidak sihat berkaitan dengan aktiviti elektrik yang tidak normal. Pemulihan aktiviti elektrik ke tahap yang sihat membantu mengembalikan fisiologi yang sihat.

Mesin Terapi Medan Elektrostatik menyalurkan voltan AC yang tinggi pada tahap yang selamat digunakan ke atas tubuh badan manusia lalu menghasilkan medan elektrik dalam badan. Medan elektrik yang terbentuk ini seterusnya merangsang tisu-tisu penerima isyarat di kulit yang membantu merangsang sel-sel di bahagian Hipotalamus serta lain-lain kawasan otak manusia untuk mencapai keseimbangan badan.

Di samping itu, medan elektrik tersebut juga menghasilkan arus gelombang dalam bilangan yang kecil yang meresap ke dalam tubuh badan supaya meningkatkan kadar metabolisme.

3 Mekanisma Fungsi PRO NATURE® V



1.Terapi Haba

Merangsang dan mengurut titik-titik akupunktur bawah tapak kaki, mencegah arteri dari tersumbat serta mendorong pengaliran darah yang lebih lancar bagi menghilangkan gumpalan darah dalam badan.

2.Terapi Optik

Menjalankan terapi ini selama setengah jam memberikan hasil yang setanding seperti melakukan senaman aerobik di luar rumah secara 3 jam berturut-turut.

3.Terapi Elektrostatik


Membersihkan saluran darah, merangsang sel-sel badan, menyelaraskan sistem saraf autonomik.

Terapi Haba

Memang sudah lama diketahui ramai bahawa setiap organ dalam badan manusia mempunyai kawasan refleksinya yang tersendiri di bawah tapak kaki. Oleh itu, tapak kaki dianggap sebagai jantung kedua dalam tubuh badan. Apabila organ-organ badan bermasalah, tapak kaki akan menunjukkan perubahan yang seiring seperti rasa sakit bila ditekan, kelihatan warna yang berbeza daripada warna kulit, edema atau tumbuh gumpalan serta luaran kulit yang kasar.

Menurut kepada ramuan perubatan Cina: “darah akan mengalir apabila ia panas dan sebaliknya hasil pemeluwapan apabila ia sejuk”. Apabila darah dalam keadaan panas, habanya akan tersebar ke atas pelbagai jenis tisu dan organ dalam seluruh tubuh badan, seterusnya merangsang pengembangan salur-salur darah supaya darah dapat mengalir dengan lancar. Pada waktu yang sama kekenyalan salur darah dapat dibaiki-pulih untuk peredaran darah yang lebih lancar.

Terapi Haba membekalkan tenaga haba yang bersesuaian ke atas kulit luaran melalui sinaran inframerah panjang supaya merangsang dan mengurut titik-titik akupunktur yang tersebar di bawah tapak kaki di samping menghilangkan kesakitan kaki. Teknik ini juga membantu dalam penyembuhan pelbagai jenis penyakit seperti penyakit yang berkaitan dengan jantung, masalah saraf atau urat dan juga ketidakseimbangan hormon endokrin.



Terapi Optikal

Terapi Optikal menjanakan medan pertukaran tenaga elektrik (tenaga pengolahan ringan) berfrekuensi medium sepantas 76,000 Hz sesaat ke atas tubuh badan supaya pengolahan tersebut dapat disebarkan ke sekeliling badan bagi menjanakan tenaga biologi (tenaga elektrik, tenaga haba dan tenaga mekanik) disamping mengekalkan keseimbangan badan supaya dapat mengekalkan kekuatan badan. Dengan wujudnya kesan pertukaran (urut) ke atas caj-caj positif dan negatif pada kadar lebih daripada 70,000 kitar sesaat, tenaga dalam sel-sel badan dapat dipertingkatkan supaya badan menjadi lebih aktif, kadar metabolisme asas dipercepatkan, peredaran “Qi” dan darah menjadi lebih lancar, lalu daya pertahanan ke atas penyakit zaman moden dipertingkatkan di samping mendorong dalam pengalihan gejala-gejala seperti sakit pinggang belakang, kelesuan dan lain-lain lagi. Di samping itu, Terapi Optikal juga membantu dalam mempercepatkan pembakaran lemak dalam badan justeru merealisasikan impian orang ramai untuk memiliki bentuk badan yang langsing. Teknik ini juga membantu menyelaraskan semula fisiologi badan ke tahap yang optimum, membersihkan darah, merangsang penyahtoksiran dalam badan dan memperkuat daya tahan diri tubuh badan. Oleh itu, hasil menggunakan Terapi Optikal selama 30 minit adalah bersamaan dengan melakukan senaman aerobik di luar rumah selama 3 jam.

Terapi Elektrostatik

Hasil daripada wujudnya medan elektrik dalam terapi ini, getaran yang teramat sangat halus dapat disalurkan ke atas anggota-anggota tubuh badan manusia. Ini membantu dalam mewujudkan keseimbangan pada tahap optimum dalam tisu-tisu dan organ-organ badan. Sel-Sel badan pula akan bergerak mengikut rentak medan elektrik tersebut. Lalu kesepaduan di antara selular-selular akan dapat dicapai supaya bendalir yang berada di dalam atau di luar sel-sel badan, atau lebih tepat lagi kalau disebut sebagai ion-ion mineral dalam bendalir (potassium, sodium, fosforus, magnesium, kalsium) dapat disalurkan secara lebih rata mengikut sukatan yang berpatutan.

Spesifikasi PRO NATURE® V



Spesifikasi	Prestasi
Model	PRO NATURE® V
Bekalan kuasa	240V AC~, 50Hz/60Hz
Penggunaan kuasa	120W
Arus input	0.5A
Masa	30, 60, 120 minutes
Peranti keselamatan	Litar tutup dengan pemasa
Dimensi	450 x 370 x 110 mm
Berat	5 Kg
Fungsi	Terapi Elektrostatik Terapi Optik Terapi Haba Cabang Utama

Voltan Output

Terapi Elektrostatik	Terapi Optical (76,000Hz)	Terapi Haba
9000V: Tinggi 6000V: Rendah	1200V: Tinggi 950V : Rendah	Peranti penentu haba ditetapkan pada tahap tertinggi dan suhu dikekalkan pada 65°C.

Soalan-soalan Yang Lazimnya Ditanya

1) Adakah ia akan membawa kesan-kesan sampingan dalam penggunaan mesin Terapi Elektrostatik ?

Tidak. Tidak ada kesan-kesan sampingan memandangkan ia tidak melibatkan ubat-ubatan atau suntikan. Namun anda mungkin mengidap gejala “krisis pemulihan” pada peringkat awal rawatan. Jangan risau, ini cuma tindak balas penyahtoksiran dalam tubuh badan yang bersifat sementara waktu dan anda akan pulih selepas seketika waktu.

2) Apa yang dimaksudkan dengan “krisis pemulihan”?

Di antara tempoh selepas menjalani rawatan dan sebelum pemulihan badan dengan sepenuhnya, anda mungkin akan rasa sakit kepala yang ringan, malas nak bergerak, letih-lesu dan lain-lain lagi. Semua ini adalah tindak balas penyahtoksiran yang biasa dan akan hilang selepas seketika waktu.

3) Bolehkah saya terus mengambil ubat yang diberi oleh doktor?

Ya, anda harus terus mengambil ubat yang diberi oleh doktor.

4) Kenapa diperkatakan bahawa ia adalah selamat untuk menggunakan mesin terapi yang membawa arus elektrik bervoltan tinggi?

Faktor utama untuk menentukan sama ada arus elektrik adalah selamat untuk disalurkan ke dalam tubuh badan manusia adalah kejituan elektrik. Mesin terapi elektrostatik cuma mengenakan medan elektrik yang bervoltan tinggi ke atas badan manakala arus elektrik yang melintas ke dalam tubuh badan kurang daripada 0.5MA . Oleh itu, mesin terapi ini adalah sangat selamat digunakan. Malah, mesin terapi ini juga digunakan secara meluas di seluruh negara Jepun. Jadi, anda boleh guna produk ini dengan tanpa rasa bimbang .

5) Bolehkah kita menggunakan alat terapi ini jikalau memakai cincin?

Ya, boleh. Kita tidak perlu menanggalkan benda-benda logam seperti jam tangan, cincin dan sebagainya ketika sedang menggunakan mesin terapi ini. Namun orang yang memakai perentak jantung tidak sekali dibenarkan untuk menjalani terapi tersebut. Selain itu, pengguna yang menghadapi kecacatan pendengaran juga dilarang menggunakan alat terapi ini melainkan dia menanggalkan alat bantuan pendengaran.

6) Apakah langkah perlindungan ke atas mesin terapi tersebut ketika hari berkilat?

Secara dasarnya ia tidak akan membawa kesan terhadap mesin terapi ini. Namun anda boleh memilih untuk memadamkan suis dan menanggalkan plug dari alat pembekal kuasa elektrik, sama seperti langkah penjagaan ke atas perkakas elektrik yang lain.

7) Bolehkah alat terapi ini digunakan bersama dengan perkakas elektrik yang lain?

Alat Terapi ini tidak sesuai untuk digunakan bersama pemanas elektrik dan selimut elektrik. Alat ini mungkin tidak dapat berfungsi dengan baik apabila terdapat gangguan elektrik dari luar. Namun ia boleh diguna bersama perkakas elektrik yang biasa dipakai seperti televisyen dan peti sejuk.

8) Apakah golongan yang sesuai untuk guna mesin terapi ini ? Adakah ia sesuai digunakan oleh wanita hamil serta kanak-kanak?

Secara amnya, semua orang sesuai untuk menggunakan mesin terapi ini selain daripada golongan yang tidak boleh menjalani terapi elektrostatik serta kanak-kanak yang berumur 3 tahun ke bawah.

9) Apakah yang dimaksudkan dengan sub-health? Kenapa diperkatakan mesin terapi elektrostatik ini melegakan status sub-health ?

Status Sub-health merujuk kepada sejenis status fisiologi di mana tiada gejala-gejala atau ciri-ciri yang jelas dari segi luaran dan wajah seseorang organisma yang menunjukkan dia mengidap penyakit ketika menjalani pemeriksaan medikal. Tetapi pada waktu yang sama orang itu rasa letih, kadar tindak balas serta penerimaan menjadi lemah dan menunjukkan gejala-gejala rasa tidak selesa. Ianya juga dikenali sebagai “Status ketiga organisma” atau “ status kelabu” . Sub-health dikategorikan di antara sihat dan sakit, status di mana fungsi-fungsi fisiologi adalah kurang mantap. Lebih daripada separuh pengidap status tersebut seterusnya akan mengidap penyakit -penyakit organik seperti tekanan tinggi, penyakit jantung, kencing manis dan sebagainya.

Kajian medikal mendapati sistem peredaran mikro yang tidak teratur dalam badan adalah punca utama terjadinya status sub-health. Dengan kelikatan darah yang semakin meningkat, kadar peredaran darah dalam kapilari menjadi semakin rendah , darah tidak dapat mengalir dengan lancar, lalu mengakibatkan proses penukaran nutrisi-nutrisi tidak dapat dilakukan dengan sempurna, pada waktu yang sama hasil buangan metabolisme juga tidak dapat dipindah keluar dari badan. Akibatnya ialah ia membawa ketidakselesaian badan dan juga membawa kepada ketidakseimbangan dari segi fisiologi.

Ramuan Tradisional Cina mensyorkan bahawa “ darah yang mengalir seperti air adalah darah yang aktif, dan apabila darah tidak dapat mengalir dengan lancar dalam badan, kita perlu dengan segera menghilangkan gumpalan darah serta merangsang semula pengaliran darah”. Oleh itu, orang yang mengidap status sub-health tidak perlu mengambil rawatan medikal tetapi langkah-langkah penjagaan dan pencegahan perlu diambil dengan usaha bagi menghilangkan gumpalan darah, menurunkan kelikatan darah serta memperbaiki sistem peredaran mikro supaya mencegah dari mengidap status sub-health. Oleh itu, PRO NATURE®V dapat membantu dalam melegakan status sub-health lalu mencegah dari mengidap penyakit.

10) Kenapa kita perlu menjalani terapi elektrostatik?

Jawapannya mudah. Darah yang bersifat asid merupakan punca pelbagai jenis penyakit. Kita perlu mencapai tiga elemen supaya badan jadi sihat, iaitu nutrisi, rehat serta bersenam. Jika gagal mencapai salah satu elemen daripada tiga elemen tersebut, darah akan jadi bersifat asid yang seterusnya mengundang pelbagai jenis penyakit.

Rentak Kaki zaman sekarang yang semakin pantas, tambahan pula dengan cara hidup moden yang semakin kurang sihat, sebagai contoh tekanan jiwa, cara pemakanan yang tidak seimbang dan jarang bersenam, telah menjadi punca utama manusia mengidap pelbagai jenis penyakit.

Jika darah dalam badan bersifat asid, kesan pada peringkat awal ialah pengaliran darah yang kurang lancar, lalu mengundang sakit di merata bahagian tubuh badan dan ketidakselesaan badan. Kebanyakan orang akan memandang remeh terhadap gejala-gejala tersebut dan biar begitu saja pada peringkat awal, akibatnya ialah terlepas waktu rawatan keemasan lalu menjadikan badan terpendam dengan pelbagai jenis penyakit. Apabila penyakit yang terkumpul dalam badan mencapai suatu tahap tertentu, yang datang kemudian adalah pelbagai jenis penyakit seperti barah, strok, penyakit jantung, terjadinya batu hempedu, gastrik, cirrosis, kencing manis, tekanan darah tinggi, penyakit sendi dan lain-lain lagi.

Dengan menggunakan PRO NATURE®V setiap hari, kita dapat mengawal pelbagai jenis penyakit kronik serta penyakit moden yang berpunda daripada pencemaran darah dan sistem saraf autonomik yang tidak teratur dalam badan. Di samping itu, ia juga membantu membersihkan darah setiap hari. Jikalau darah dalam badan adalah bersih, maka peluang untuk mengidap penyakit sememanglah menjadi teramat sangat tipis atau tiada peluang langsung.